



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS CORAK PERBELANJAAN PELAJAR KOLEJ SWASTA DI NILAI, NEGERI SEMBILAN

NUUR AN NOR BINTI MORAD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (EKONOMI)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRAK

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi corak perbelanjaan pelajar kolej swasta. Seramai 279 orang pelajar yang terdiri daripada pelbagai program telah dipilih sebagai sampel kajian. Pendekatan kuantitatif digunakan dalam kajian ini dan data diperoleh melalui borang soal selidik. Data dianalisis dengan menggunakan ujian regresi pelbagai. Dapatan analisis regresi pelbagai menunjukkan bahawa faktor rakan sebaya ($\beta=-8.153$, $p=0.027$) dan latar belakang keluarga ($\beta=5.401$, $p=0.079$) mempengaruhi corak perbelanjaan pelajar. Faktor-faktor lain iaitu jenama, keinginan sendiri dan gaya hidup mewah didapati tidak mempengaruhi corak perbelanjaan pelajar. Kesimpulannya model regresi pelbagai yang dicadangkan dalam kajian ini dapat membantu pihak tertentu mengambil langkah pencegahan supaya pelajar dapat membuat keputusan secara rasional apabila berbelanja. Implikasi kajian menekankan kesedaran kepada pelajar untuk menggunakan wang pembiayaan pendidikan dengan sebaiknya tanpa terikut dengan gaya perbelanjaan rakan sebaya dan faktor-faktor lain. Kajian ini turut mencadangkan agar pihak kolej dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil langkah sewajarnya bagi membantu pelajar mengurus wang secara berhemah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SPENDING PATTERN ANALYSIS AMONG PRIVATE COLLEGE STUDENTS IN NILAI, NEGERI SEMBILAN

ABSTRACT

The main objective of this study was to identify the factors that influence the spending pattern among private college students. A total of 279 students from various courses were selected as sample for the study. Quantitative approach was used in this study and the data were obtained through questionnaire. Data were analysed using multiple regression analysis. The results of the regression analysis proved that peer group ($\beta=-8.153$, $p=0.027$) and family background ($\beta=5.401$, $p=0.079$) influenced student's spending patterns. Other factors including brands, self-satisfaction and luxury lifestyles did not affect the spending pattern. In conclusion, the regression model proposed in study can help certain parties to take preventive measures of students to make rational decisions when shopping. The implication of research emphasize the awareness of students to use their education funding wisely without disagreement with other peers' spending styles and other factors. This study suggests that college need to take steps by holding regular campaigns and seminars for students on how to manage money prudently in collaboration with the Ministry of Education (MOE).

SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	7
1.6 Kerangka Teori Kajian	8
1.7 Kepentingan Kajian	9
1.8 Limitasi Kajian	10
1.9 Definisi Operasi	11
1.10 Rumusan	15

BAB 2**TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	16
2.2	Latar Belakang Teori	17
2.2.1	Teori Hierarki Maslow	18
2.2.2	Teori Gelagat Pengguna	23
2.3	Kajian Literatur: Sumber Kewangan	26
2.4	Kajian Literatur: Corak Perbelanjaan	30
2.5	Kajian Literatur: Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Corak Perbelanjaan	38
2.6	Jurang Kajian	43
2.7	Kesimpulan	44

BAB 3**METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	45
3.2	Reka Bentuk Kajian	46
3.3	Populasi dan Sampel	47
3.4	Instrumen Soal Selidik	49
3.5	Kajian Rintis	54
3.6	Kebolehpercayaan	55
3.7	Kesahan Instrumen	57
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	58
3.9	Kaedah Menganalisis Data	62
3.9.1	Analisis Deskriptif	62
3.9.2	Analisis Regresi Pelbagai	64
3.10	Rumusan	65

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	66
4.2	Profil Responden	67
4.3	Objektif 1: Mengenal Pasti Sumber Kewangan Pelajar	70
4.4	Objektif 2: Mengenal Pasti Corak Perbelanjaan Pelajar	74
4.5	Objektif 3: Mengenal Pasti Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Corak Perbelanjaan Pelajar	80
4.6	Rumusan	95

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	96
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian Bagi Objektif 1: Mengenal Pasti Sumber Kewangan Pelajar	97
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian Bagi Objektif 2: Mengenal Pasti Corak Perbelanjaan Pelajar	102
5.4	Perbincangan Dapatan Kajian Bagi Objektif 3: Mengenal Pasti Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Corak Perbelanjaan Pelajar	106
5.5	Cadangan dan Penambahbaikan	110
5.6	Cadangan Kajian akan Datang	113
5.7	Rumusan	114

RUJUKAN	116
----------------	-----

LAMPIRAN	125
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Taburan Populasi Pelajar UIC	50
3.2 Pecahan Bahagian dalam Soal Selidik	52
3.3 Skala Likert Lima Markah	54
3.4 Taburan Item Bahagian D mengikut Faktor	55
3.5 Taburan Item mengikut Bahagian	55
3.6 Nilai Pekali <i>Cronbach Alpha</i>	58
3.7 Skor Cronbach Alpha untuk Item di Bahagian D	59
3.8 Penentuan Tahap Pembolehubah berdasarkan Petunjuk Skor Min	65
4.1 Profil Responden	70
4.2 Sumber Kewangan Pelajar	74
4.3 Corak Perbelanjaan Pelajar mengikut Item bagi Satu Semester	77
4.4 Corak Perbelanjaan Pelajar Bagi Perbelanjaan Akademik mengikut Item bagi Satu Semester	79
4.5 Corak Perbelanjaan Pelajar Bagi Perbelanjaan Bukan Akademik mengikut Item bagi Satu Semester	81
4.6 Nilai VIF	84
4.7 Analisis Tahap Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Corak Perbelanjaan (Faktor Rakan Sebaya)	86
4.8 Analisis Tahap Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Corak Perbelanjaan (Faktor Jenama)	87
4.9 Analisis Tahap Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Corak Perbelanjaan (Faktor Keinginan Sendiri)	89

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Taburan Populasi Pelajar UIC	50
3.2 Pecahan Bahagian dalam Soal Selidik	52
3.3 Skala Likert Lima Markah	54
3.4 Taburan Item Bahagian D mengikut Faktor	55
3.5 Taburan Item mengikut Bahagian	55
3.6 Nilai Pekali <i>Cronbach Alpha</i>	58
3.7 Skor Cronbach Alpha untuk Item di Bahagian D	59
3.8 Penentuan Tahap Pembolehubah berdasarkan Petunjuk Skor Min	65
4.1 Profil Responden	70
4.2 Sumber Kewangan Pelajar	74
4.3 Corak Perbelanjaan Pelajar mengikut Item bagi Satu Semester	77
4.4 Corak Perbelanjaan Pelajar Bagi Perbelanjaan Akademik mengikut Item bagi Satu Semester	79
4.5 Corak Perbelanjaan Pelajar Bagi Perbelanjaan Bukan Akademik mengikut Item bagi Satu Semester	81
4.6 Nilai VIF	84
4.7 Analisis Tahap Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Corak Perbelanjaan (Faktor Rakan Sebaya)	86
4.8 Analisis Tahap Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Corak Perbelanjaan (Faktor Jenama)	87
4.9 Analisis Tahap Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Corak Perbelanjaan (Faktor Keinginan Sendiri)	89

4.10	Analisis Tahap Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Corak Perbelanjaan (Faktor Latar Belakang Keluarga)	91
4.11	Analisis Tahap Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Corak Perbelanjaan (Faktor Gaya Hidup Mewah)	92
4.12	Koefisyen bagi Pemboleh Ubah Tidak Bersandar	94
4.13	Ringkasan Model	95
4.14	Keputusan Ujian Varian (ANOVA)	96

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	9
2.1 Hieraki Keperluan Maslow	24
2.2 Garis Belanjawan Individu untuk Dua Jenis Produk	27
3.1 Pecahan Sampel Kajian mengikut Program Pengajian	51
3.2 Prosedur Pengumpulan Data	63

SENARAI SINGKATAN

IPTA	Intitusi Pendidikan Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
KAMHSIS	Kediaman Mahasiswa
SPSS	<i>Statistical Package For The Social Science</i>
UCAM	University College Agroscience Malaysia
UIC	Unifield International College
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UM	Universiti Malaya
UTM	Universiti Teknologi Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Surat Lantikan Sebagai Pemeriksa Borang Soal Selidik
- C *Cronbach's Alpha* bagi Instrumen yang digunakan
- D Normal Q-Q Plot

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1

05-4506832 Pengenalan

Bab satu telah dipecahkan kepada 10 bahagian. Bahagian satu dimulai dengan pengenalan diikuti bahagian dua akan membincangkan berkenaan latar belakang kajian, manakala bahagian tiga pula membincangkan tentang pernyataan masalah yang menerangkan tentang faktor-faktor yang mendorong kajian ini dilaksanakan hasil daripada masalah yang timbul. Seterusnya, bahagian empat pula membincangkan objektif kajian ini dilaksanakan serta persoalan kajian dalam bahagian lima, manakala kerangka konseptual kajian dibincangkan dalam bahagian enam. Di samping itu, bahagian tujuh dan lapan membincangkan mengenai kepentingan kajian dan limitasi kajian. Bahagian sembilan membincangkan definisi operasional bagi kajian ini. Perbincangan dalam Bab 1 ini diakhiri dengan rumusan yang menerangkan ringkasan secara menyeluruh yang telah dibincangkan dalam bab ini.



1.2 Latar Belakang Kajian

Wang memainkan peranan yang penting ke arah membantu dalam menggerakkan ekonomi negara dan seterusnya memangkin ke arah pertumbuhan ekonomi. Namun begitu, amalan pengurusan wang serta corak perbelanjaan perlu diurus dengan baik supaya masalah seperti kesempitan wang dan muflis dapat dielakkan. Amalan pengurusan wang yang baik meliputi perancangan kewangan yang teliti serta dapat membantu menyediakan belanjawan, menguruskan pembelian barang dan membuat simpanan untuk masa hadapan.

Dewasa ini, terdapat ramai orang yang dikenal pasti telah gagal menguruskan kewangan mereka dengan baik. Hal ini dapat dilihat melalui data yang diperoleh dari Jabatan Insolvensi Malaysia (2017), seramai 101,537 individu telah diistiharkan muflis sepanjang tahun 2011 sehingga tahun 2015. Bagi tahun 2015 bilangan tertinggi yang dicatatkan adalah dari golongan berumur 35 sehingga 44 tahun iaitu seramai 6,507 orang diikuti golongan berumur 45 hingga 54 tahun seramai 4,744 orang. Manakala golongan yang berumur 25 hingga 34 tahun pula mencatatkan angka yang tinggi iaitu seramai 4,648 orang dan yang paling mengejutkan adalah seramai 122 orang yang diistiharkan muflis terdiri daripada individu di bawah umur 25 tahun.

Terdapat banyak faktor yang mendorong perkara ini terjadi antaranya kekurangan ilmu tentang pengurusan kewangan yang baik. Realitinya dalam abad ke 21 ini, perbelanjaan semakin meningkat dan ini menyebabkan kuasa beli pengguna semakin berkurang. Tambahan pula perlaksaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)





dilaksanakan di Malaysia pada 1 April 2015 sedikit sebanyak menambah beban dan menyebabkan masyarakat semakin terhimpit dengan kekangan kewangan.

Menurut Davies dan Lea (1995), pelajar Intitusi Pengajian Tinggi (IPT) merupakan antara golongan yang terjejas dengan bebanan dan tempias kenaikan pelbagai jenis cukai disebabkan mereka tidak mempunyai kewangan yang kukuh. Pelajar memerlukan wang bagi membantu mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup sepanjang tempoh kuliah berlangsung. Antara perbelanjaan yang perlu ditanggung adalah seperti yuran pengajian, pembelian buku teks, membeli makanan, petrol dan sebagainya. Justeru itu sangat penting bagi pelajar menguruskan kewangan yang diperoleh dari pelbagai sumber dengan berhemah dan tahu membezakan di antara keperluan dan kehendak.



Kajian ini dijalankan di kawasan Nilai, Negeri Sembilan. Di kawasan Nilai sahaja terdapat lebih daripada lima Intitusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Intitusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang menawarkan peluang melanjutkan pelajaran kepada para pelajar seperti Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Antarabangsa INTI, Universiti Nilai, Kolej Universiti Linton, Kolej Antarabangsa Murni dan Kolej Antarabangsa Unifield (UIC). Pelajar IPTA dan PTS secara relatifnya membelanjakan wang untuk tujuan yang sama seperti pembayaran yuran pengajian, penginapan, makanan, pembelian buku dan sebagainya. Namun nilai yang dibayar oleh pelajar IPTA dan PTS adalah berbeza terutamanya untuk yuran pengajian. Sebagai contoh untuk mendapatkan Diploma Perniagaan daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM), dianggarkan pelajar membayar yuran sebanyak RM 4,458 berbanding pelajar di INTI International University dikenakan bayaran yuran RM 34,683 untuk dua tahun.





tempoh pengajian. Antara faktor yang menyebabkan berlakunya perbezaan nilai yuran pengajian ialah IPTA mendapat bantuan daripada kerajaan sedangkan IPTS sepenuhnya ditanggung oleh pelajar menggunakan bantuan kewangan.

Namun begitu, pelajar IPTA dan IPTS mengalami masalah yang sama iaitu tidak cekap menguruskan kewangan. Isu ini pernah disiarkan di media cetak yang melaporkan pelajar di IPT tidak tahu menguruskan wang pinjaman menyebabkan mereka meminta wang tambahan daripada penjaga dan ibu bapa. Perkara di atas boleh diatasi dengan adanya pengurusan kewangan yang baik. Pengurusan kewangan ialah seni dan sains dalam mengendalikan wang dan perlu dimiliki oleh individu mahupun organisasi (Bani, Huson, Junaina & Abu, 2002). Oleh itu, jika pengurusan kewangan adalah tidak efektif maka ia boleh menyebabkan berlakunya krisis kewangan kepada para pelajar. Pengurusan kewangan merupakan perkara yang perlu diberi perhatian oleh semua individu tidak mengira golongan umur. Amalan pengurusan yang baik meliputi perancangan kewangan yang teliti dan dapat membantu mengenal pasti cara terbaik untuk menyediakan bajet, menguruskan pembelian barang dan membuat simpanan untuk masa hadapan.

Menurut Ng, Zhang, Maran dan Sandeep (2013), pengurusan kewangan yang baik adalah melibatkan perbelanjaan sumber dengan cekapnya untuk menaikkan nilai kekayaan. Ini dapat ditunjukkan melalui cara pemindahan wang dan perbelanjaan melalui kaedah yang betul. Justeru itu, masalah kekurangan wang bantuan tidak timbul jika pelajar mempunyai kemahiran mengurus wang yang efisyen. Bagi pelajar, kemahiran mengurus wang amat perlu dititikberatkan bukan sahaja untuk tujuan peribadi malah kejayaan akademik (Melissa, Janna & Susan, 2009).





Justeru itu, kesedaran tentang pengurusan kewangan yang baik patut diterapkan seawal usia remaja khususnya kepada pelajar di IPT agar amalan ini dapat dipraktikkan apabila bekerja kelak. Hal ini bagi menjamin kadar peratusan muflis dalam kalangan remaja dapat dikurangkan. Tabiat dan amalan mengenai perbelanjaan, simpanan serta pengetahuan kewangan yang diterapkan sejak kecil mampu membentuk seseorang kanak-kanak menjadi pengurus kewangan yang baik apabila dewasa kelak (Holden, Kalish, Scheinholtz, Dietrich & Novak, 2009).

1.3 Penyataan Masalah

Terdapat segelintir penuntut intitusi pengajian telah menyalahgunakan pinjaman kewangan untuk tujuan bukan akademik seperti pembelian telefon pintar dan pakaian berjenama. Mereka gemar membelanjakan pembiayaan wang yang diterima untuk tujuan yang tidak sepatutnya selain untuk tujuan pembelajaran. Justeru itu kepentingan menguruskan kewangan perlu diterapkan sejak kecil agar apabila dewasa kelak, mereka bijak menguruskan kewangan secara bersendirian tanpa di pantau oleh orang yang lebih dewasa. Hal ini juga telah dipersetujui sejak dahulu oleh Garman dan Forgue (1995) yang menyatakan kanak-kanak yang dididik dari kecil dengan pengurusan kewangan yang baik sejak kecil, tidak mempunyai masalah dalam menguruskan kewangan mereka pada masa hadapan.

Kos perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh pelajar adalah tinggi terutamanya dalam kalangan pelajar IPTS. Umumnya golongan ini hanya bergantung kepada wang bantuan yang diperoleh melalui biasiswa, pinjama atau bantuan kewangan daripada





keluarga. Menurut Mustaffa dan Muda (2014) kebanyakkan IPTS di Malaysia berlumba-lumba untuk menawarkan peluang pendidikan kepada pelajar yang kurang cemerlang dan gagal menempatkan diri di Universiti Awam (UA) namun mereka telah mengenakan yuran pengajian yang tinggi. Situasi ini dibimbangi akan mengurangkan jumlah enrolmen pelajar ke intitusi pengajian tinggi sekaligus matlamat untuk melahirkan modal insan yang berkualiti akan berkurang dan menyebabkan ekonomi negara terjejas. Namun begitu, masih terdapat sebilangan besar pelajar masih meneruskan pembelajaran di IPTS untuk berada pada tahap yang sama dan tidak mahu ketinggalan dengan pelajar yang berjaya menempatkan diri di IPTA.

Ekoran daripada bebanan perbelanjaan yang semakin meningkat saban hari

yang perlu ditanggung oleh pelajar IPTS, maka mereka perlu bijak dalam mencorakkan perbelanjaan dengan cermat dan berhemah. Menurut Noor Alim (2005) segelintir pelajar mendapatkan sumber kewangan melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional (PTPTN) gagal untuk menguruskan bantuan yang diterima kerana keliru untuk membezakan barang yang dibeli adalah untuk tujuan keperluan atau kehendak. Lebihan peruntukan untuk perbelanjaan memenuhi kehendak diri akan menyebabkan corak perbelanjaan menjadi tidak seimbang. Selain itu banyak faktor yang perlu dilihat dari aspek perbelanjaan yang menyumbang kepada corak perbelanjaan yang tidak sihat seperti pengaruh rakan sebaya, keinginan diri sendiri, jenama, gaya hidup mewah dan latar belakang keluarga.

Isu tidak mahir menguruskan kewangan dengan baik perlu dipandang secara

serius oleh semua pihak. Jika hal ini dibiarkan berlarutan, dibimbangi akan menyebabkan masalah lain akan timbul seperti pelajar tidak hadir ke kuliah. Hal ini terjadi disebabkan





pelajar keletihan akibat perlu keluar mencari pekerjaan lain untuk mendapatkan wang.

Selain itu terdapat faktor lain yang mendesak kepada berlakunya masalah ini antaranya kenaikan harga barang dan kenaikan harga tambang kenderaan awam. Justeru itu, kajian ini akan mengenal pasti sumber kewangan pelajar dan melihat sejauhmana pelajar memperuntukan wang yang diperolehi serta mengenal pasti faktor yang mempengaruhi keputusan mereka apabila berbelanja.

1.4 Objektif Kajian

Berikut merupakan objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini:

- i. Mengenal pasti sumber kewangan pelajar.
- ii. Mengenal pasti corak perbelanjaan pelajar.
- iii. Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi corak perbelanjaan pelajar.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, persoalan kajian telah dibentuk bagi mencapai objektif yang telah digariskan. Antaranya:

- i. Apakah sumber kewangan pelajar?
- ii. Bagaimanakah corak perbelanjaan pelajar?
- iii. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kepada corak perbelanjaan pelajar?






1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi corak perbelanjaan pelajar, beberapa pemboleh ubah telah dikenal pasti yang menyumbang kepada corak perbelanjaan pelajar. Kerangka konseptual ini digambarkan melalui gambarajah model konseptual seperti dalam Rajah 1.1 di bawah.

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual bagi objektif ke tiga kajian iaitu mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi corak perbelanjaan pelajar. Terdapat lima pemboleh ubah bebas telah dipilih iaitu rakan sebaya, jenama, keinginan sendiri, latar belakang keluarga dan gaya hidup mewah. Kelima-lima pemboleh ubah bebas ini telah di pilih berdasarkan penelitian terhadap kajian lepas dan disesuaikan dengan suasana responden kajian iaitu di kawasan Nilai, Negeri Sembilan.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian



1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting kerana ia dapat dijadikan asas perbandingan bagi melihat corak perbelanjaan oleh pelajar IPTS dan pelajar IPTA. Melalui kajian ini, pengagihan sumber kewangan pelajar juga dapat dikenal pasti memandangkan kos sara hidup di IPTS lebih tinggi berbanding IPTA. Contohnya dari segi yuran yang perlu ditanggung sepenuhnya oleh pelajar IPTS berbanding pelajar IPTA yang mana sebahagian yuran ditanggung oleh pihak kerajaan. Sekiranya sebahagian besar bantuan kewangan diperuntukan untuk membayar yuran, kajian ini ingin melihat sejauh mana pelajar memanfaatkan lebihan bantuan kewangan tersebut melalui corak perbelanjaan yang telah di pecahkan kepada dua kategori iaitu perbelanjaan akademik dan perbelanjaan bukan akademik. Jika terbukti perbelanjaan pelajar IPTS ini adalah tinggi sehingga

~~memerlukan mereka mencari alternatif lain untuk mendapatkan sumber kewangan, hal~~ ptbupsi
ini tidak perlu dipandang ringan oleh pihak berwajib kerana ianya boleh menjelaskan mutu pembelajaran pelajar. Justeru itu kajian ini akan menjadi titik tolak dalam membela nasib pelajar yang kurang berkemampuan dari segi kewangan tetapi mempunyai minat yang tinggi untuk melanjutkan pelajaran di IPTS seterusnya mengenggam segulung ijazah.

Selain itu hasil kajian ini diharap dapat menjadi indikator kepada kerajaan dalam menjaga kebijakan pelajar di IPTS dari segi pemberian nilai pinjaman kewangan. Rombakan dan kajian lebih teliti perlu jalankan sekiranya terbukti pelajar di IPTS lebih memerlukan sejumlah wang yang besar untuk menampung kos sara diri.



1.8 Limitasi Kajian

Negeri Sembilan merupakan salah satu negeri yang menawarkan banyak tempat untuk menyambung pembelajaran sama ada di IPTA atau IPTS. Kursus yang ditawarkan termasuk dari peringkat sijil, diploma dan seterusnya ijazah. Terdapat lima buah IPTS yang berada di kawasan Nilai iaitu Kolej Universiti Linton, Kolej Antarabangsa Murni, Universiti Antarabangsa INTI, Universiti Nilai dan Kolej Antarabangsa Unifield (UIC).

Responden kajian adalah dalam kalangan pelajar UIC sahaja disebabkan terdapat beberapa limitasi. Limitasi pertama yang dihadapi adalah penggunaan bahasa melayu. Responden yang menuntut di UIC terdiri daripada warganegara Malaysia manakala penuntut Kolej Universiti Linton dan Universiti Antarangasa INTI terdiri daripada pelajar luar negara. Keadaan ini akan menyukarkan proses untuk mengalih Bahasa dari Bahasa Melayu kepada Bahasa Inggeris.

Limitasi kedua ialah dari segi budaya. Pelajar bagi empat-empat IPTS tersebut mempunyai latar belakang budaya yang berbeza. Ini disebabkan mereka berasal dari pelbagai negara seperti China, Afrika Selatan, Sudan dan Arab. Kepelbagaian budaya akan mempengaruhi corak dalam perbelanjaan. Untuk mengelakkan timbul masalah lain, IPTS tersebut dikecualikan.

Seterusnya adalah pemilihan boleh ubah bagi objektif ke tiga. Objektif ketiga kajian ini adalah kesinambungan daripada objektif kedua kajian. Ini bermakna, setelah pelajar menyatakan nilai perbelanjaan bagi setiap item, langkah seterusnya adalah bagi melihat apakah faktor yang mendorong mereka membelanjakan wang





untuk tujuan tersebut. Pemilihan lima pemboleh ubah adalah bersesuaian dengan objektif ke dua kajian. Banyak faktor lain yang menyumbang kepada corak perbelanjaan pelajar, akan dibincangkan dalam bab 2.

Terdapat beberapa kajian lepas yang mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi corak perbelanjaan namun untuk kajian ini hanya mengkaji lima pemboleh ubah iaitu rakan sebaya, jenama, keinginan sendiri, latar belakang keluarga dan gaya hidup mewah. Faktor-faktor lain akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab 2.

Hasil dapatan kajian ini tidak menggambarkan keseluruhan pelajar IPTS sebaliknya boleh dijadikan panduan kepada pengkaji lain dalam kajian mereka mengenai corak perbelanjaan pelajar IPTS. Banyak faktor seperti suasana, budaya masyarakat setempat dan persekitaran serta latar belakang keluarga yang berbeza memungkinkan dapatan kajian ini berbeza mengikut IPTS lain.

1.9 Definisi Operasional

Definisi operasi dalam kajian ini bertujuan memberi pengistilahan secara konseptual terhadap perkataan yang akan digunakan dalam kajian ini.





1.9.1 Sumber Kewangan

Kesedaran mengenai kepentingan pengurusan dan perancangan kewangan harus di semai supaya setiap individu berkebolehan untuk mengurus dan merancang sumber kewangan mereka dengan sebaik-baiknya dan memperolehi keuntungan dari aspek kewangan, ekonomi, dan sosial. Menurut Finnie (2002) pendapatan pelajar datangnya daripada beberapa sumber seperti simpanan pelajar, sumbangan ibubapa, biasiswa, pinjaman pelajar dan sumber bantuan kewangan yang lain yang akan digunakan untuk menampung keperluan akademik dan bukan akademik selama satu semester. Dalam kajian ini sumber kewangan pelajar diperoleh melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), ibu bapa, bekerja sendiri atau dari sumber lain seperti zakat, hadiah, pampasan dan bantuan Kerajaan Negeri.



1.9.1.1 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

PTPTN telah ditubuhkan pada 1 Julai 1997 di bawah Akta Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566). Objektif penubuhan perbadanan ini adalah untuk memberikan pembiayaan dalam bentuk pinjaman kepada pelajar yang layak mengikut pengajian di peringkat pengajian tinggi. Ini bagi memastikan pelajar dapat memberikan sepenuh perhatian terhadap pembelajaran tanpa perlu memikirkan masalah pembiayaan yuran dan kos dera hidup sepanjang tempoh pengajian. Pembiayaan ini bersifat pinjaman dan pelajar bertanggungjawab untuk membuat bayaran balik. Namun, pada 21 Oktober 2016, mantan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Bin Tun Razak telah mengumumkan dua insentif kepada peminjam PTPTN menerusi Pembentangan



Bajet 2017. Dua insentif tersebut adalah pemberian diskauan kepada peminjam dan pemberian geran sepadan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i).

1.9.1.2 Bekerja Sambilan

Bagi pelajar yang memperoleh sumber kewangan melalui pinjaman atau ibu bapa, mereka tidak terlalu memikirkan soal kewangan untuk menampung pembelanjaan. Namun terdapat segelintir pelajar yang tidak memperoleh sebarang pembiayaan atau pembiayaan yang diperoleh tidak memcukupi, memerlukan mereka bekerja sambilan untuk mendapatkan wang bagi membayar yuran pengajian dan menampung keperluan lain seperti sewa rumah, pembelian alat tulis dan buku teks serta pembelian makanan.

Menurut Barron, Martin dan Robert (2006) hampir sembilan dari sepuluh pelajar yang

menuntut dalam pengurusan hospitaliti dan pelancongan di Universiti Australia adalah               ptbupsi bekerja sambilan secara sepenuh masa untuk mencari wang tambahan bagi membantu menampung kehidupan. Sistem pendidikan di sana juga menggalakkan pelajar bekerja. Rasionalnya, pelajar dibiasakan dengan kehidupan sebenar apabila tamat belajar kelak.

1.9.2 Corak Perbelanjaan

Menurut Fisher (1952) corak perbelanjaan ialah asas perbelanjaan sesebuah isi rumah terhadap barang keperluan seperti makanan, pakaian dan perbelanjaan mengurus. Perbelanjaan ini akan berlaku secara berterusan dan bergantung dengan kedudukan isi rumah. Corak perbelanjaan juga merupakan agihan pendapatan isi rumah yang digunakan untuk perbelanjaan terhadap barang berdasarkan keperluan, pilihan, permintaan dan kehendak yang tertakluk kepada kekangan pendapatan (Kamakura &

Du, 2012). Berdasarkan kepada definisi di atas, corak perbelanjaan dalam kajian ini ditakrifkan sebagai perbelanjaan yang dilakukan oleh pelajar untuk membeli barang berbentuk akademik dan perbelanjaan bukan akademik menggunakan wang yang diperoleh dari sumber kewangan tertentu.

1.9.3 Perbelanjaan akademik

Menurut OECD (2004) perbelanjaan akademik ialah perbelanjaan yang dibayar kepada institusi pendidikan seperti yuran pengajian dan perbelanjaan yang dibayar diluar institusi pendidikan yang merangkumi barang dan perkhidmatan yang tidak ditawarkan oleh institusi pendidikan. Berdasarkan kepada definisi di atas, perbelanjaan akademik untuk kajian ini boleh dikategorikan kepada dua iaitu perbelanjaan akademik wajib yang merangkumi yuran pengajian manakala perbelanjaan akademik tidak wajib seperti yuran kelab, pembelian beli buku teks dan peralatan tulis.

1.9.4 Perbelanjaan Bukan Akademik

Perbelanjaan bukan akademik merupakan perbelanjaan ke atas barang dan perkhidmatan yang melepas skop perbelanjaan pendidikan yang telah ditetapkan yang merangkumi perbelanjaan penjagaan anak-anak, perbelanjaan aktiviti luar sekolah seperti aktiviti perkhemahan, perbelanjaan kesihatan anak-anak dan perbelanjaan pembayaran pinjaman kewangan (OECD, 2004). Berdasarkan kepada definisi yang telah dinyatakan di atas, perbelanjaan bukan pendidikan dalam konteks kajian ini merujuk kepada perbelanjaan yang dibelanjakan untuk kepentingan diri sendiri seperti membayar sewa rumah, membayar bil air dan elektrik, petrol, makanan dan lain-lain.



1.10 Rumusan

Secara keseluruhannya bab ini memberi gambaran secara khusus tentang asas kajian bagi mengenal pasti sumber pendapatan pelajar, mengkaji corak perbelanjaan pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhi perbelanjaan. Walaupun kajian ini telah banyak dijalankan di Malaysia namun ianya memfokus kepada kepada pelajar IPTA sahaja. Diharap kajian ini menjadi titik tolak untuk memperbanyakkan lagi kajian terhadap pelajar di IPTS. Walau bagaimanapun, hasil dapatan daripada kajian ini hanya sah dan boleh diguna pakai di kawasan tersebut sahaja memandangkan kekangan dan limitasi yang dihadapi oleh pengkaji.

